

Newspaper	Berita Harian
Date	6 May 2015

Tarikh siap Rel Berkelajuan Tinggi ditetap semula

BH-6/5/2015

» *Pemimpin dua negara setuju tempoh baharu selepas bincang aspek teknikal, operasi*



**JUNITA
MAT RASID**

junita@bh.com.my

Singapura

Singapura



Najib disambut Hsien Loong dalam pertemuan empat mata sempena Pemukiman Keenam Pemimpin Malaysia-Singapura di Singapura. (FOTO BERNAMA)

Datuk Seri Najib Razak dan Lee Hsien Loong yang komited memastikan kejayaan projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR), memutuskan tarikh sasaran siap ditetapkan semula selepas perbincangan laryut berkaitan perkara teknikal dan operasi.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua pihak percaya projek itu penting untuk membawa perubahan dan projek yang sangat bermakna, sekali gus mendapat perhatian global.

"Saya bersetuju dengan Hsien Loong bahawa walaupun pada asalnya tarikh siap projek pada tahun 2020, tetapi secara realistik, projek ini sangat kompleks dan membabitkan banyak perkara dan juga perlu dikaji dengan berhati-hati dan pada masa sama perlu cepat.

"Pembinaan HSR ini dijangka mengambil kira-kira lima tahun, (manakala) reka bentuk mengambil masa setahun dan proses tender mungkin mengambil masa setahun lagi.

Diselesai akhir tahun "Jadi, kedua-dua pihak memutuskan bahawa isu dua hala berkaitan projek HSR ini akan diselesaikan akhir tahun ini," katanya pada sidang akhbar bersama selepas sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura, di sini semalam.

Najib berkata, selepas semua isu berkaitan termasuk struktur dan pengurusan projek, model dan pembabitan kerajaan kedua-dua pihak, pihaknya akan mengumumkan tarikh siap projek berkenaan.

Sementara itu Hsien Loong mengumumkan perhentian terakhir HSR Singapura di Jurong East bersesuaian dengan rancangan keseluruhan Singapura untuk mengubah kawasan itu menjadi pusat perniagaan kedua, selain mempunyai kawasan kediaman.

Beliau berkata, projek besar yang membabitkan laluan ki-

ra-kira 400 kilometer akan membabitkan banyak kejuruteraan terperinci termasuk reka bentuk dan operasi.

"Selain itu, isu kewangan perlu dibincangkan, dari mana sumber pembiayaan, serta bagaimana pembabitan kedua-dua kerajaan. Ada juga isu struktur yang perlu diselesaikan, contohnya adakah Malaysia dan Singapura membuat bahagian (landasan) masing-masing dan kita sambung di tengah-tengah.

"Adakah kita perlu sebuah syarikat sahaja untuk membina kedua-dua landasan atau perlu beberapa syarikat lain atau syarikat sama yang memiliki dan mengendalikan keretapi berkenaan.

"Perbincangan juga perlu memutuskan bagaimana landasan itu beroperasi, bagaimana pengurusan yang dilaksanakan dan penyelesaian ke-

pada masalah yang timbul kerana projek ini membabitkan rentas sempadan serta dua kerajaan," katanya.

JMC kaji kesesakan Sementara itu, dalam kenyataan bersama, kedua-dua pemimpin menyambut baik keputusan Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura (JMC) menjalankan kajian kesesakan di Tambak Johor termasuk langkah yang boleh diambil bagi menambah baik jalinan perhubungan kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin turut memuji usaha Kumpulan Kerja Imigresen bagi JMC yang mahu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Lebuhraya Laluan Kedua Singapura-Malaysia dan pada masa sama turut memberi perhatian terhadap aspek keselamatan.